

20 FEB 1999

SABAH: KABINET SABAH BERMESYUARAT PADA ISNIN SEBELUM DEWAN DIBUBARKAN

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Spekulasi bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah akan dibubarkan Isnin ini memuncak hari ini apabila Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata mesyuarat mingguan Kabinet negeri setiap Rabu akan diadakan lebih awal pada Isnin ini.

Mesyuarat Kabinet negeri itu dipercayai yang terakhir sebelum dewan dibubarkan untuk memberi laluan kepada pilihan raya negeri.

Dompok mengelakkan soalan daripada pemberita mengenai tarikh pembubaran dewan semasa dikerumuni oleh pemberita selepas beliau menghantar pulang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menamatkan lawatan tiga hari ke Sabah.

Ditanya mengenai kunjungan beliau terhadap Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai pada hari yang sama (Isnin), Dompok berkata kunjungan itu perkara biasa sebelum mesyuarat mingguan Kabinet negeri.

" Oleh kerana kali ini ia (mesyuarat Kabinet) akan diadakan pada Isnin, kunjungan itu juga akan diadakan pada hari yang sama," kata beliau tanpa mahu menjelaskan lanjut.

Mengenai lawatan tiga hari Dr Mahathir ke Sabah yang berakhir hari ini, Dompok berkata ia menaikkan semangat Barisan Nasional (BN) negeri dalam menghadapi pilihan raya.

-- BERNAMA

EL PR